| 6. | BKKC / DKKC 1761 | Kompang | 1 | 2 |
| 7. | BKKC / DKKC 1141 | Silat Gayong | 1 | 2 |
| 8. | BKKS / DKKS 1371 | Silat Cekak | 1 | 2 |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 9. | BKKC / DKKC 1691 | Seni Lukis | 1 | 2 |
| TERAS KEUSAHAWANAN | | | | |
| 10. | BKKE / DKKE 1791 | Kewartawanan | 1 | 2 |
| 11. | BKKE / DKKE 1551 | Keusahawanan | 1 | 2 |
| 12. | BKKE / DKKE 1451 | Perniagaan Sukan | 1 | 2 |
| 13. | BKKE / DKKE 1561 | Fiqh Muamalat | 1 | 2 |
| TERAS DAYA USAHA DAN INOVASI | | | | |
| 14. | BKKI / DKKI 1781 | Seni Foto | 1 | 2 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| NO. | KOD | MATA PELAJARAN | KREDIT | JAM PERTEMUAN |
|---|---|---|---|---|
| 15. | BKKI / DKKI 1541 | I-Kreatif | 1 | 2 |
| 16. | BKKI / DKKI 1531 | Rekacipta | 1 | 2 |
| TERAS KEPIMPINAN | | | | |
| 17. | BKKL / DKKL 1391 | Pengurusan Kendiri | 1 | 2 |
| 18. | BKKL / DKKL 1401 | Kepimpinan | 1 | 2 |
| 19. | BKKL / DKKL 1411 | Pengurusan Kesihatan | 1 | 2 |
| TERAS PENGUCAPAN AWAM | | | | |
| 20. | BKKP/ DKKP 1731 | Public Speaking | 1 | 2 |
| 21. | BKKP/ DKKP 1741 | Pengucapan Awam | 1 | 2 |
| 22. | BKKP/ DKKP 1551 | Debat | 1 | 2 |
| TERAS KHIDMAT KOMUNITI | | | | |
| 23. | BKKM / DKKM 1831 | Prs & Sahabat Khidmat | 1 | 2 |
| 24. | BKKM / DKKM 1821 | Tahsin Al-Quran & Bacaan Yaasin | 1 | 2 |
| 25. | BKKM / DKKM 1811 | Fiqh Amali | 1 | 2 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 26. | BKKM / DKKM 1501 | Rakan Polis | 1 | 2 |
| 27. | BKKM / DKKM 1561 | Budi Penyayang | 1 | 2 |
| TERAS KESUKARELAWANAN | | | | |
| 28. | BKKV / DKKV 1421 | Kor Suksis Polis 1 | 1 | 2 |
| 29. | BKKV / DKKV 1431 | Kor Suksis Polis 2 | 1 | 2 |
| 30. | BKKV / DKKV 1481 | Kor Sispa 1 | 1 | 2 |
| 31. | BKKV / DKKV 1491 | Kor Sispa 2 | 1 | 2 |
| 32. | BKKV / DKKV 1511 | Kelana Siswa 1 | 1 | 2 |
| 33. | BKKV / DKKV 1521 | Kelana Siswa 2 | 1 | 2 |
| 34. | BKKV / DKKV 1471 | Persatuan Bulan Sabit Merah | 1 | 2 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| NO. | KOD | MATA PELAJARAN | KREDIT | JAM PERTEMUAN |
|---|---|---|---|---|
| 35. | BKKV / DKKV 1851 | PERTOLONGAN CEMAS | 1 | 2 |
| | | TERAS SUKAN | | |
| 36. | BKKS / DKKS 1031 | Bola Tampar | 1 | 2 |
| 37. | BKKS / DKKS 1091 | Senamrobik | 1 | 2 |
| 38. | BKKS / DKKS 1111 | Taekwondo | 1 | 2 |
| 39. | BKKS / DKKS 1141 | Kembara | 1 | 2 |
| 40. | BKKS / DKKS 1101 | Badminton | 1 | 2 |
| 41. | BKKS / DKKS 1281 | Hoki | 1 | 2 |
| 42. | BKKS / DKKS 1321 | Futsal | 1 | 2 |
| 43. | BKKS / DKKS 1361 | Ragbi | 1 | 2 |
| 44. | BKKS / DKKS 1271 | Tenis | 1 | 2 |
| 45. | BKKS / DKKS 1331 | Olahraga | 1 | 2 |
| 46. | BKKS / DKKS 1351 | Bola Baling | 1 | 2 |
| 47. | BKKS / DKKS 1381 | Boling Padang | 1 | 2 |
| 48. | BKKS / DKKS 1011 | Bola Sepak | 1 | 2 |
| 49. | BKKS / DKKS 1311 | Sofbol | 1 | 2 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 50. | BKKS / DKKS 1151 | Berbasikal | 1 | 2 |
| 51. | BKKS / DKKS 1071 | Sepak Takraw | 1 | 2 |
| 52. | BKKS / DKKS 1121 | Karate- Do | 1 | 2 |
| 53. | BKKS / DKKS 1021 | Bola Jaring | 1 | 2 |
| 54. | BKKS / DKKS 1341 | Bola Keranjang | 1 | 2 |

## MAKLUMAT MATA PELAJARAN JPKo

Maklumat berkaitan dengan hasil pembelajaran, sinopsis dan rujukan bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan oleh JPKo adalah seperti berikut.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## DKKC / BKKC 1611 : CAKLEMPONG

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan teknik bermain caklempong secara berkumpulan mengikut irama dan tempo yang betul (C3, P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan caklempong secara berkumpulan ( CS3, TS3).
3. memberi maklum balas aktiviti caklempong secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai sejarah, latar belakang permainan, nota dan peralatan caklempong. Pelajar diajar cara bermain caklempong secara solo dan berkumpulan serta membuat kombinasi lagu-lagu caklempong. Pelajar mempraktikkan persembahan caklempong berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang. Pelajar akan mengguna peralatan caklempong seperti gareteh, tingkah, saua, gendang, seruling dan bangsi dalam sesi latihan dan persembahan.

### RUJUKAN

1. Abdul Hamid Adnan. (2010). Muzik caklempong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Johan Nordin, Norida Abdullah dan Rosli Saadan. (2014). CakLempong. Modul 8, Siri Pengajaran dan Pembelajaran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Melaka: Penerbit UTeM.
3. Tan. S. B, Patricia, M. (2010). Pengantar muzik Malaysia. Pulau Pinang: The Asian Centre.

# DKKC / BKKC 1601: GAMELAN

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan teknik bermain gamelan secara berkumpulan mengikut tempo dan irama yang betul (C3, P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan gamelan secara berkumpulan (CS3, TS3).
3. memberi maklum balas aktiviti gamelan secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pelajar akan diberi pendedahan mengenai sejarah, latar belakang permainan, nota dan peralatan gamelan. Pelajar juga diajar cara bermain gamelan secara solo dan berkumpulan serta membuat kombinasi lagu-lagu gamelan. Pelajar mempraktikkan persembahan gamelan berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang. Pelajar akan mengguna peralatan gamelan seperti bonang, saron, slanthem, kenung, gong, kempul, gambang dalam sesi latihan dan persembahan.

## RUJUKAN

1. Harrison, L., Brooklyn, P. O and Betty. S. (2011). Music for orchestra ensemble & gamelan (CD). New York: Nimbus Records.
2. Mustaffa Hassan, Norida Abdullah dan Hassan Adnan. (2014). Gamelan. Modul 9, Siri Pengajaran dan Pembelajaran. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Melaka: Penerbit UTeM.
3. Tan. S. B., Patricia, M. (2010). Pengantar muzik Malaysia. Pulau Pinang: The Asian Centre.

## DKKC / BKKC 1061 : KOIR

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan teknik vokal bagi menghasilkan nyanyian mengikut irama dan tempo yang betul (C3, P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan koir secara berkumpulan( CS3, TS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti koir secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberi pendedahan kepada pelajar seperti cara dan teknik vokal untuk menghasilkan nyanyian yang baik. Pelajar juga diajar mengenai teori muzik, repetoir lagu-lagu patriotik, cara-cara memimpin dan menguruskan sebuah pasukan koir, serta latihan pernafasan yang betul. Pelajar juga mempraktikkan persembahan koir berdasarkan lagu-lagu patriotik dan kemanusiaan yang telah dirancang.

## RUJUKAN

1. Brewer, M. (2010). Fine-tune your choir. London: Faber Music Ltd.
2. Malone, G. (2012). Choir: Gareth Malone. London: HarperCollins Publishers.
3. Mustaffa Hassan, Norida Abdullah dan Ahmad Jawahir Tugimin.(2014). Koir. Modul 10, Siri Pengajaran dan Pembelajaran. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Melaka: Penerbit UTeM.

## DKKC / BKKC 1631 : NASYID

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan teknik vokal bagi menghasilkan nyanyian yang baik dan berkualiti tinggi (C3, P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan nasyid secara berkumpulan (CS3, TS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti nasyid secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

اونيۏرسيتي تيکنيکل مليسيا ملاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Mata pelajaran ini memberi pendedahan teknik asas menyanyi nasyid disamping memperkembangkan daya ekpresi kreatif, persepsi estetik, penilaian, respon dan apresiasi nasyid dan muzik. Para pelajar diberi kuliah secara teori dan amali dalam aspek teknik vokal, ritma, alat perkusi dan pengurusan pasukan dalam aspek persediaan persembahan. Pelajar juga mempraktikkan persembahan nasyid berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang.

## RUJUKAN

1. Noordianah Alwi. (2010). Sejarah perkembangan nasyid dinusantara dan sumbangannya sebagai medium dakwah. Kuala Lumpur: JAKIM.
2. Norida Abdullah dan Rohezam Mokhtar. (2013). Nasyid. Modul 3, Siri Pengajaran dan Pembelajaran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Melaka: Penerbit UTeM.

## DKKC / BKKC 1811: THEATER BAHASA INGGERIS

### LEARNING OUTCOMES

At the end of the learning period, student should be able to:

1. collaborate in groups to create impromptu improvisations and stage performances (TS3).
2. apply communication skills by listening, articulating, and performing in the creative process of producing group performances. (CS3, P3).
3. produce a reflective writing journal at the end of the session (A2).

### SYNOPSIS

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

This subject is designed to provide exposure to students of the basic principles of the performance and theater as well as improving their English communication skills and teamwork. Students shall apply the reflective methods in analyzing the external performance in the effort to create their internal performance. Students shall also be provided with a safe space in articulating their understanding of a text for group performances and productions.

### REFERENCES:

1. Cohen, R. (2013). *Theater (10th ed.).* New York: McGraw-Hill.
2. Herrin, J.(Dir.). (2011). *Much ado about nothing*. (Stage play recording at the Globe).
3. Rourke, J. (Dir.). (2011). *Much ado about nothing.* (Stage play recording at Wyndham Theater).
4. Whedon, J. (Dir.). (2012). *Much ado about nothing (film).* Santa Monica: Bellwether Pictures.

## DKKC / BKKC 1761 : KOMPANG

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan teknik pukulan kompang bagi menghasilkan irama yang baik dan berkualiti tinggi (C3, P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan kompang secara berkumpulan ( CS3, TS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti kompang secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۆرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SINOPSIS

Pelajar akan didedahkan tentang pengetahuan asas mengenai kemahiran berkompang secara teori dan praktikal melalui pukulan kompang secara individu dan berkumpulan. Pelajar juga akan dapat mengenali kumpulan kompang yang popular seperti Sri Kelalang, Ezhar, Zapin serta Hadrah melalui sesi tayangan video yang ditunjukkan. Di samping itu, pelajar juga diberi pendedahan mengenai zikir yang mengiringi pukulan tersebut untuk acara majlis keramaian, perkahwinan dan sebagainya.

## RUJUKAN

1. Chek Mat. (2009). *Kursus pengurusan program.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
2. Hassan Mohd Ghazali. (2009). *Dimensi pendidikan seni* . Kuala Lumpur: Penerbit Delta.

## DKKS / BKKS1141 : SILAT GAYONG

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan kemahiran asas silat gayong dalam situasi pertandingan mengikut prinsip-prinsip kemahiran silat gayong (P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam seni silat gayong (TS3, EM2).
3. melaporkan secara bertulis aktiviti silat gayong dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS:

Mata pelajaran ini akan memberi pengenalan asas aktiviti seni silat gayong. Para pelajar akan diberi kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, teknik jurus, membuka gelanggang, mengelakkan kaki dan tangan, kunci mati, mengambur anak kambing pecah empat dan kepegawaian. Para pelajar juga diajar secara 'aplikasi dan amalan' mengurus dan mengelolakan sesuatu pertandingan atau persembahan.

### RUJUKAN

1. Anuar Abd Wahab. "Silat – Seni Gayung Fatani". 2008
2. Wan Baharuddin Haji Wan Mamat. "Seni Silat Dari Kacamata Islam: Seni Gayung Fatani". 2014. Kelantan: Pustaka Hayyi.
3. Abd Rahman Ismail. "Seni silat Melayu-Sejarah Perkembangan dan Budaya". Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
4. Buku Nota Kokurikulum Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia – UTeM (2015)

## DKKC / BKKC 1371 : SILAT CEKAK

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran ini, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan kemahiran asas silat cekak dalam situasi pertandingan mengikut prinsip-prinsip kemahiran seni silat cekak (P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam seni silat cekak (TS3, EM2).
3. melaporkan secara bertulis aktiviti silat cekak dalam jurnal refleksi (A2).

### SINOPSIS

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Mata pelajaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai seni dan falsafah Silat Cekak Ustaz Hanafi. Pelajar diajar secara teori dan amali yang merangkumi sejarah dan asal usul, pengertian dan pantang larang, konsep persilatan dan pendidikan, salasilah perguruan dan pewaris silat. Kemahiran seni silat ini merangkumi komponen asas, jatuh, potong dan tamat serta kaedah-kaedah persilatan, seperti kaedah menumbuk, dan menendang. Aspek perkembangan afektif juga diberi perhatian melalui penerapan nilai agama, moral dan disiplin dalam latihan jasmani yang diberi.

### RUJUKAN

1.
2. Amiruddin Buang. (2008), Silat cekak Hanafi. Peneraju warisan mutlak. Kuala Lumpur: Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi. Malaysia.
3. Jabatan Kursus dan Latihan. (2010), Panduan Mata Pelajaran Silat Cekak Hanafi, Edisi 1, Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia.

# DKKC / BKKC 1691 : SENI LUKIS

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasi unsur-unsur seni garisan, rupa, bentuk, warna, ruang, jalinan, dan lakaran dengan teknik melukis yang betul (C3, P3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam melukis catan, batik, cat air dan cat minyak (CS3, TS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti seni lukis secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

اونيۏرسيتي تيکنيکل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Mata pelajaran ini bertujuan untuk melengkap dan menambahkan pengetahuan pelajar tentang seni lukis. Pelajar diajar secara teori dan amali mengenai unsur-unsur seni lukis iaitu garisan, rupa, bentuk, warna, ruang, jalinan, lakaran dan catan serta mengaplikasikan unsur-unsur seni yang telah dipelajari dalam bentuk lukisan. Di samping itu pelajar dibimbing cara melukis dan mewarnakan objek dengan menggunakan cat air dan cat minyak serta melakar batik dengan teknik yang betul. Pelajar juga dikehendaki menghasilkan lukisan dengan menggunakan cat air, cat minyak dan mencanting batik mengikut kreativiti masing-masing.

## RUJUKAN

1. Hassan Mohd Ghazali. (2009). *Dimensi pendidikan seni.*Kuala Lumpur: Penerbit Delta.
2. Ong, C. K. & Rosli Mat. (2010). *Asas seni lukis untuk pelukis amatur.* Kuala Lumpur: Penerbit Edusystem.
3. Siow, M.S. (2009). *Pendidikan seni untuk sekolah menengah.* Kuala Lumpur: Penerbit Textbook Malaysia.

## DKKE / BKKE 1791: KEWARTAWANAN

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasi teknik penulisan dengan berkesan melalui pembentangan laporan penulisan (C3,P3).
2. mempamerkan penglibatan secara berpasukan dalam melaksanakan aktiviti kewartawanan (TS3, CS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti kewartawanan secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kerjaya kewartawanan yang meliputi bidang pemberitaan, penulisan, dan penggambaran. Para pelajar didedahkan dengan kemahiran, etika, prinsip dan ciri-ciri peribadi yang diperlukan dalam bidang berkenaan. Pelajar secara individu / berkumpulan dikehendaki mendapatkan bahan berita secara langsung dari lokasi aktiviti yang telah dikenalpasti dan dihasilkan dalam bentuk penulisan.

### RUJUKAN

1. Patterson, T. E. (2013). The need for knowledge based journalism. Informing the news. New York: Vintage Books.

2. Sulaiman Masri & Razali Ayob. (2010). *Komunikasi kewartawanan penulisan berita, rencana dan ulasan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

## DKKE / BKKE 1551 : KEUSAHAWANAN

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. menjelaskan asas-asas ilmu dan nilai-nilai keusahawanan dalam sesebuah organisasi (ES3, C3).
2. mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam melaksanakan pelan perniagaan (TS3, P3).
3. memberi maklumbalas aktiviti keusahawanan secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pelajar akan diberi pendedahan cara memahami dan memperlengkapkan diri mengenai prinsip-prinsip asas perniagaan dan strategi pemasaran. Pelajar mendapat pengalaman tentang pengurusan korporat, kaedah penubuhan syarikat, penyediaan struktur organisasi syarikat, penetapan harga produk, pelan perniagaan dan strategi pemasaran. Pelajar diberi peluang untuk mempamerkan kemahiran asas pengurusan syarikat.

## RUJUKAN

1. Hughes, A. M. (2012). Strategic database marketing. New York: Mc Graw Hill.
2. Ries, E. (2011). The lean startup: How today's enterpreneurs use continuos innovation to create radically successful business. USA: Crown Publishing Group.
3. Kiyosaki, R. T. (2012). The business of the 21st century. USA: Manjul Publishing House Pvt Ltd.

## DKKE / BKKE 1451 : PERNIAGAAN SUKAN

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan kemahiran asas perniagaan dalam sukan (C3, ES3).
2. mempamerkan kerjasama dalam menyediakan rancangan perniagaan sukan secara berkumpulan (P3,TS3).
3. memberi maklum balas secara bertulis yang berkesan tentang perniagaan sukan dalam jurnal refleksi (A2).

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberikan pengenalan asas tentang perniagaan sukan. Pelajar diberikan kuliah secara konsep dan amali dalam perniagaan sukan dan kemahiran aktiviti keusahawanan sukan secara berkumpulan. Pelajar diajar mempamerkan aktiviti perniagaan sukan serta mempamerkan kepimpinan dan kemahiran keusahawanan industri sukan.

### RUJUKAN

1. Cuban, M. (2013). How to win at the sport of business : If i can do it, you can do it, USA: Diversion Books.
2. Rosner, S. and Shropshire, K. L. (2010). Business of sports. Sudbury, USA: Jones and Bartlett Publishers, Inc.

## DKKE / BKKE 1561: FIQH MUAMALAT

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. membincangkan asas-asas ilmu keusahawanan Islam dalam kumpulan berasaskan hukum-hukum syari'ah (C3, ES3).
2. mengaplikasi kemahiran komunikasi dalam kerja lapangan melalui aktiviti asas perniagaan secara berkumpulan (CS3, P3).
3. memberi maklum balas aktiviti fiqh muamalat secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini dapat memberikan pengenalan asas tentang konsep ibadah dalam Islam secara syumul. Pelajar akan diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek al-ibadah, al-muamalah, akad, jual beli, upah kerja, sistem perbankan, takaful dan lain-lain kemahiran demi menunaikan tuntutan fardhu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan sehari-hari.

### RUJUKAN

1. Mustathafa al-Bugha wal-Ikhwan. (2008). *Al-Fiqh Al-Manhaj*. Damsyik:Dar al-Fikr.
2. Sabiq, Sayyid. (2009). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
3. Wahbah al-Zuhaily. (2010). *Al-Fiqh al-Islamiy Waaidillatuhu*. Damsyik:Dar al-Fikr.

## DKKI / BKKI 1781 : SENI FOTO

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. menghasilkan gambar dengan menggunakan alat kamera gambar pegun digital dan kamera video dengan teknik yang betul (C3,P3).
2. mempamerkan kerjasama berpasukan untuk menghasilkan gambar yang berkualiti tinggi dengan kreativiti sendiri (CTPS, TS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti seni foto secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Pelajar akan diberi pendedahan kepada sejarah video dan kamera. Pelajar diajar teknik mengendali kamera pegun SLR dan kamera video seperti komposisi, pencahayaan, pergerakan, *shutter speed, aperture, depth of field* berpandukan keadaan dan situasi seperti rakaman majlis, kandid, bangunan dan potret dengan bantuan aksesori yang sesuai. Pelajar juga diajar membuat suntingan rakaman gambar dan video dengan komputer dan cara penyimpanan dan penjagaan imej melalui gambar yang dihasilkan.

### RUJUKAN

1. Freeman, M. (2010). The photographer's mind. Creative thinking for better digital photos. Lewes, Great Britain: Ilex.
2. Freeman, M. (2011). The photographer's vision. Understanding and appreciating greatphotography. Lewes, Great Britain: Ilex.

## DKKI / BKKI 1541 : I - KREATIF

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan teknik pemikiran kreatif dan inovatif dalam mereka sesuatu bahan (C3, CTPS3).
2. mempamerkan penglibatan kumpulan dalam menghasilkan kerja berteraskan inovasi dan kreatif (TS3, P3).
3. memberi maklumbalas secara bertulis mengenai aktiviti kreatif dan inovatif dalam jurnal refleksi (A2).

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini bertujuan membentuk pelajar yang berupaya berfikir secara kreatif untuk melatih diri menjadi inovatif dan kreatif. Aktiviti pembelajaran melalui sumbangsaran, perbincangan dalam kumpulan, pembentangan dan penghasilan produk inovasi akan memperkaya pengalaman pelajar bagi pembinaan potensi diri supaya menjadi individu kreatif dan inovatif dalam melangsungkan kehidupan seharian dan keperluan pekerjaan.

### RUJUKAN

1. Pink, D. H. (2009). A whole new mind. Why right-brainers will rule the future. New York: Riverhead Books.
2. Robinson, K. (2011). Out of our minds. West Sussex: Capston Publishing Ltd.
3. Wagner, T. (2012). Creating innovatois. The making of young people who will change the world. New York: Scribner.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## DKKI / BKKI 1531 : REKA CIPTA

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan prinsip-prinsip asas rekacipta dalam merekabentuk sesuatu bahan (C3, CTPS3).
2. menghasilkan kerja reka-cipta sesuatu bahan secara individu mengikut prosedur yang betul (TS3, P3).
3. memberi maklumbalas secara bertulis mengenai amalan asas reka cipta dalam jurnal refleksi (A2).

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SINOPSIS

Mata pelajaran ini bertujuan memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang asas reka cipta dan inovasi. Pelajar didedahkan kepada kemahiran merekacipta bahan-bahan berdasarkan kreativiti masing-masing. Pelajar dikehendaki mencipta bahan daripada bahan-bahan terbuang, plastik dan seramik secara berkumpulan.

## RUJUKAN

1. Mohd. Azhar Abd Hamid. (2010). Kreativiti, konsep, teori dan praktis. Skudai: Penerbit UTM.
2. Tharp,T. (2011). The creative habit: Learn it and use it for life. New York: Simon & Schuster.

## DKKL / BKKL 1391 : PENGURUSAN KENDIRI

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan kaedah-kaedah pengurusan kendiri secara sistematik (C3, LS2).
2. mempamerkan penglibatan secara berkumpulan dalam melaksanakan kerja lapangan (TS3, P3).
3. memberi maklum balas tentang pengurusan diri yang berkesan dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini melatih pelajar kaedah mengurus diri secara sistematik. Pelajar akan didedahkan kepada kaedah pengurusan diri yang berkesan seperti penampilan diri cemerlang, pengurusan masa, pengurusan imej, pembentukan peribadi, teknik berkomunikasi berkesan dan pengurusan stres. Pelajar dilatih bagaimana hendak membentuk cara penampilan diri yang cemerlang dan beberapa kaedah untuk menangani stres.

### RUJUKAN

1. Berger, A. M. (2011). Self-regulation: Brain, cognition and development. Washington: American Psychological Association.
2. Steiner, R. (2011). Six-steps in self-development: The supplementary exercises. East Sussex. Great Britain: Rudolf Steiner Press.

**DKKL / BKKL 1401 : KEPIMPINAN**

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan asas kemahiran kepimpinan melalui penglibatan dalam pembentangan kerja kursus (C3, LS2).
2. mempamerkan penglibatan secara berkumpulan dalam melaksanakan kerja lapangan (TS3, P3).
3. memberi maklumbalas kemahiran kepimpinan dalam sesuatu pengurusan majlis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**SINOPSIS**

Mata pelajaran ini memberikan pengenalan asas mengenai ciri-ciri kepimpinan, kualiti kepimpinan, model kepimpinan, teori kepimpinan dan jenis kepimpinan. Selain itu, pelajar dapat mempelajari kaedah menjadi pemimpin yang berjaya dan berkesan. Pelajar digalak mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti kekeluargaan, masyarakat atau urusan keorganisasian dalam kehidupan seharian.

**RUJUKAN**

1. Powell, C. L. and Koltz, T. (2012). It worked for me: Lessons in leadership and life, New York: Harper Collins Publishers Inc.
2. Scouller, J. (2011). The three levels of leadership: How to develop your leadership presence, knowhow and skill. Cirencester, Great Britain: Management Books 2000 Ltd.

**DKKL / BKKL 1411 : PENGURUSAN KESIHATAN**

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. menjelaskan asas pengurusan kesihatan dan kepentingannya dalam organisasi atau institusi melalui perbincangan dalam kumpulan (C3, LS2).
2. mempamerkan kerjasama dalam melaksanakan kerja lapangan dalam kumpulan (P3,TS3).
3. memberi maklumbalas mengenai pengurusan kesihatan dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۈرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**SINOPSIS**

Mata pelajaran ini memberikan pengenalan asas pengurusan kesihatan, amalan pemakanan yang sihat, kecergasan fizikal, emosi, rohani, minda dan sosial. Selain itu, pelajar dapat mempelajari cara mengatasi tekanan dan tegangan dalam konteks kehidupan seharian individu, keluarga dan persekitaran tempat kerja. Pelajar akan dapat mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti atau urusan keorganisasian dalam kehidupan seharian.

**RUJUKAN**

1 Md. Fadli Ismail. (2010). *Pengurusan kesihatan yang praktikal.* Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

2. Luqman Hakim. (2012). Tips penjagaan makanan & kesihatan. Kuala lumpur: Al-Hidayah Publishers.

## DKKP / BKKP 1731 : PUBLIC SPEAKING

## LEARNING OUTCOMES

By the end of the course, students should be able to:

1. apply the fundamental techniques and basic principles essential to effective communication in public speaking (C3, P3).
2. participate and gain confidence in adapting the materials to meet their needs as presenters (TS3, EM3).
3. propose reflective writing journal at the end of the session (A2).

## SYNOPSIS

Public speaking is a course designed to meet the needs of students who wish to improve their ability to compose and deliver effective oral presentations before a variety of audiences. The course is intended for students whose responsibilities and avocations require them to speak before an audience and students who recognize a correlation between public speaking skills and the fulfilment of personal and career goals. The class will emphasize creation of ideas, audience analysis, organizational skills, and delivery techniques for a series of speeches both informative and persuasive in nature. Consideration is also given to maximizing listening skills of audience members.

## REFERENCES:

1. Detz, J. (2014). How to write and give a speech, third revised edition: A practical guide for anyone who has to make every word count. New York, USA: St. Martin's Griffin.
2. Hough, K. (2014). Be the best bad presenter even: Break the rules, make mistakes and win them, USA: Berrett-Koehler Publishers.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## DKKP / BKKP 1741: PENGUCAPAN AWAM

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan pengetahuan asas komunikasi dan etika dalam pengucapan awam mengikut garis panduan pengucapan awam (CS3, EM3).
2. mempamerkan persembahan pengucapan awam secara individu mengikut garis panduan yang betul (C3, P3).
3. memberi maklumbalas aktiviti pengucapan awam secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengucapan awam. Pelajar diajar secara teori dan amali mengenai etika, tatacara, kemahiran dan kaedah berkesan dalam pengucapan awam. Aspek pengurusan yang diberi perhatian adalah mengenai peri pentingnya mematuhi arahan dan peraturan pertandingan ketika berada dalam ataupun luar tempat pertandingan.

### RUJUKAN

1. Dasrun Hidayat. (2013). Be a good communicator. Jakarta: Elex Media komputindo.
2. Mohd Fadzillah Kamsah. (2011). *Kemahiran pidato dan komunikasi.*UPM: Penerbit UPM.

## DKKP / BKKP 1551 : DEBAT

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan kemahiran berdebat melalui teknik perdebatan yang sesuai. (C3, LS2).
2. mempamerkan kerjasama dalam melaksanakan kerja lapangan secara berkumpulan (P4,TS3).
3. memberi maklum balas secara bertulis mengenai aktiviti berdebat dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberikan pengenalan asas berdebat, kualiti, kepentingan dan strategi. Selain itu, pelajar dapat mempelajari beberapa teori kepimpinan, jenis kepimpinan dan kaedah menjadi pemimpin yang berjaya dan berkesan. Pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali. Pelajar dapat mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti atau urusan keorganisasian dalam kehidupan sehari-hari.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## RUJUKAN

1. Ainon Mohd. (2010). *Teori dan teknik ucapan berpengaruh*. Selangor: PTS Profesional.
2. Md. Izuddin Ali & Zetty Zahureen Mohd. Yusoff. (2010). *Berucap dengan yakin*. Selangor: PTS Millenium Sdn. Bhd.
3. Mohd. Jamil Yaacob & Rohizani Yaakub. (2010). *Seni debat*. panduan komprehensif. Selangor: PTS Profesional.

## DKKM / BKKM 1831: PRS & SAHABAT KHIDMAT

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasi kemahiran asas kaunseling untuk perkembangan kendiri dan dalam khidmat masyarakat (C3,P3).
2. mempamerkan penglibatan secara berpasukan dalam program khidmat masyarakat (CS3, TS3).
3. memberi maklumbalas aktiviti PRS dan sahabat khidmat secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada peranan,falsafah, dan etika PRS. Disamping itu pelajar juga didedahkan dengan kemahiran asas kaunseling untuk diaplikasikan bagi perkembangan kendiri dan dalam khidmat masyarakat. Pelajar juga akan melalui amalan kepimpinan secara praktikal seperti berurusan dengan pelajar lain dan mengendalikan serta menjadi moderator kepada program-program kemahiran hidup atau kemasyarakatan.

### RUJUKAN

1. Norida Abdullah. (2013). Pembimbing Rakan Sebaya & Sahabat Khidmat. Modul 5, Siri Pengajaran dan Pembelajaran, Pusat Bahasa & Pembangunan Insan. Melaka: Penerbit UTeM.
2. Sidek Mohd Noah. (2010). Pengajian dalam psikologi dan kaunseling. Serdang: Percetakan FPP.

## DKKM / BKKM 1821 : TAHSIN AL-QUR'AN DAN BACAAN YAASIN

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. menjelaskan hukum-hukum tajwid dalam pembacaan ayat-ayat suci al-Qur'an secara berkumpulan (CS3, TS3).
2. mengaplikasikan hukum-hukum tajwid dalam pembacaan ayat-ayat suci al-Quran secara individu dan berkumpulan(C3, P3).
3. memberi maklum balas aktiviti tahsin al-quran secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Pelajar akan diberi pendedahan tentang al-Qur'an sebagai sumber hukum Islam dan kepentingannya dibaca dengan bertajwid. Pelajar juga diberikan kuliah secara teori dan amali tentang ilmu tajwid, perbezaan rasm Uthmani dan al-Imla'ie, hukum-hukum Izhar, Idgham, Ikhfa' dan Iqlab, hukum Mad yang pelbagai dan tilawah berlagu. Pada akhir sesi pembelajaran, pelajar akan mengaplikasikan semua hukum tajwid yang dipelajari melalui ujian tilawah, dan menguruskan majlis tahlil serta bacaan Yaasin.

### RUJUKAN

1. Mohd Yusof Ahmad. (2013). Pendidikan Al-Quran: Kunci menjiwai Kalam Tuhan. Kuala Lumpur: PTS Publications.
2. Syeikh Muhd Mujahid. (2013). Ensiklopedia Al-Quran. Kuala Lumpur: Must Read.

## DKKM / BKKM 1811: FIQH AMALI

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran fiqh amali yang dipelajari dalam melaksanakan kewajipan seharian (C3, LL2).
2. mempamerkan kaedah pengurusan fardu ain dan fardu kifayah dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan (P2, TS3).
3. memberi maklum balas aktiviti fiqh amali secara bertulis dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pelajar akan diberi pendedahan tentang pengenalan asas serta konsep ibadah dalam Islam secara syumul. Pelajar juga diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek taharah, jenis-jenis najis dan cara penyuciannya, tayammum, wudhu, persoalan darah wanita, mandi fardu, solat fardu dan sunat, serta pengurusan jenazah. Pelajar mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran demi menunaikan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan seharian.

## RUJUKAN

1. Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen. (2009). Indahnya hidup bersyariat. (Panduan fardu ain lengkap bergambar). Kuala Lumpur: Telaga Biru.

2. Md. Hashim Yahaya. (2011). Ensiklopedia solat: Kombinasi fakta hukum dan sains (Fiqah, falsafah,sejarah,saintifik). Kuala Lumpur: Telaga Biru.
3. Mahmud Al-Musiri. (2011). 400 kesalahan dalam solat. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.

## DKKM / BKKM 1501: RAKAN POLIS

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan ciri-ciri kepimpinan, tanggungjawab dan disiplin melalui aktiviti kawad kaki (C3).
2. mempamerkan kerjasama dalam melaksanakan kerja lapangan dalam aktiviti berkumpulan (P3,TS3, CS3).
3. memberi maklumbalas secara bertulis mengenai aktiviti rakan polis dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberikan pengenalan asas kawad kaki, teori dan pelaksanaan undang-undang kepolisan. Selain itu, pelajar dapat mengaplikasi kemahiran yang berkaitan dengan perundangan. Pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali. Pelajar mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan program khidmat masyarakat.

## RUJUKAN

1. Buku panduan kor sukarelawan siswa polis UUM. (2009). Sintok : Penerbit UUM.
2. UTM & Khidmat Komuniti. (2012). Skudai: Penerbit UTM.

## DKKM / BKKM 1561 : BUDI PENYAYANG

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan ciri-ciri kesukarelawanan melalui perbincangan dalam kumpulan (C3, P3).
2. mempamerkan kerjasama dalam melaksanakan kerja lapangan dalam kumpulan (CS3,TS3).
3. memberikan maklum balas secara bertulis mengenai amalan kesukarelawanan dalam jurnal refleksi (A2).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberikan pengenalan asas kesukarelawanan, tujuan dan matlamat kerja sukarelawan. Selain itu, pelajar dapat mempelajari kepelbagaian sukarelawan, syarat menjadi sukarelawan, kemahiran pengurusan diri dan perhubungan dari segi komunikasi yang berkesan. Pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali.

### RUJUKAN

1. UTM dan Khidmat Komuniti. Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum. (2012). Skudai: Penerbit UTM.
2. Mohamed Fadzil Che Din. (2010). Sukarelawan. Institut Sosial Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.

## BKKV 1421: KOR SUKSIS POLIS 1

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. memahami tugas Pegawai Kor SUKSIS Polis yang berpengetahuan berkaitan Akta Polis (C2, P3).
2. mempamerkan daya tahan fizikal, mental dan emosi sebagai ahli SUKSIS melalui aktiviti berpasukan (TS3, LL2).
3. memberi maklum balas secara bertulis mengenai amalan kepolisan dalam jurnal refleksi (A2).

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kanun keseksaan, kanun prosedur jenayah, akta polis, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, di samping melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Mereka juga diajar latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

## RUJUKAN

1. Ab. Alim Abdul Rahim. (2008). Pengurusan gerak kerja kokurikulum. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
2. Buku Panduan Kor Sukarelawan Siswa Polis UUM. (2008). Sintok: Penerbit UUM Akta Polis Diraja Malaysia (1967).

## BKKV 1431: KOR SUKSIS POLIS 2

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan pengetahuan berkaitan Akta Polis semasa menjalankan aktiviti kepolisan (C3).
2. mempamerkan tahap keupayaan serta ketahanan fizikal, mental dan emosi sebagai ahli SUKSIS melalui aktiviti perbarisan (P3, TS3, LL3).
3. memberi maklum balas secara bertulis mengenai amalan kepolisan dalam jurnal refleksi (A2).

### SINOPSIS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Mata pelajaran ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kanun keseksaan, kanun prosedur jenayah, akta polis, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, renang, seni mempertahankan diri, menembak, elemen tempur PDRM untuk menghadapi dan menindas semua jenis ancaman dalam bentuk ketenteraman awam, aktiviti subversif, keganasan atau pemberontakan bersenjata yang berlaku dalam negara selain menyediakan bantuan kepada polis daerah untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman awam di samping melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Pelajar juga akan didedahkan dengan ilmu kepimpinan disamping memantapkan lagi latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

### RUJUKAN

1. Ab. Alim Abdul Rahim. (2010). Pengurusan gerak kerja kokurikulum. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
2. Buku Panduan Kor Sukarelawan Siswa Polis UUM. (2010). Sintok: Penerbit UUM

## DKKV / BKKV 1481 : KOR SISPA 1

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. memahami ilmu pertahanan awam yang bersesuaian dengan budaya kampus (C2).
2. mempamerkan ketahanan fizikal, mental dan emosi melalui aktiviti kawad kaki secara berpasukan (TS3, LL2).
3. memberikan maklum balas secara bertulis mengenai amalan perkhidmatan pertahanan awam dalam jurnal refleksi (A2).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberi pendedahan awal berkaitan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan *International Civil Defence Organization* (ICDO), kenegaraan, pengenalan pertolongan cemas, anatomi, asas sokongan hayat, tanda-tanda dan rawatan, teknik ekstrikasi mengeluarkan mangsa dan arahan keselamatan. Pelajar juga diajar tentang latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

### RUJUKAN

1. Rohen, J. W. and Drecoll, E. L. (2010). Color atlas of anatomy : A photographic study of the human body. Philadelphia: Lippincott Williams and Wilkins.
2. Buku panduan pengurusan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA). (2011). Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

## DKKV / BKKV 1491 : KOR SISPA 2

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan ilmu pertahanan awam dengan lebih terperinci serta dapat menghubungkaitkan amalan disiplin KOR SISPA dalam budaya kampus (C3).
2. mempamerkan tahap keupayaan serta ketahanan fizikal, mental dan emosi sebagai ahli KOR SISPA melalui aktiviti perbarisan (TS3, LL2).
3. memberi maklumbalas secara bertulis mengenai amalan perkhidmatan pertahanan awam dalam jurnal refleksi (A2).

## SINOPSIS

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Mata pelajaran ini adalah lanjutan daripada SISPA I yang mana ia memberi penekanan terhadap perlembagaan Malaysia, kenegaraan, teknik asas menyelamat, *ascending* dan *descending*, pengurusan bencana, melawan kebakaran, arahan keselamatan, etika dan moral serta latihan kawad kaki. Pelajar juga akan didedahkan dengan ilmu kepimpinan disamping memantapkan lagi latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

## RUJUKAN

1. Rohen, J. W. and Drecoll, E. L. (2010). Color atlas of anatomy : A photographic study of the human body. Philadelphia: Lippincott Williams and Wilkins.
2. Buku panduan pengurusan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA). (2011). Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

## DKKV / BKKV 1151 : KELANA SISWA 1

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir mata pelajaran, pelajar dapat:

1. mengaplikasikan ilmu pengakap serta dapat menghubungkaitkan amalan disiplin pengakap dalam khidmat sukarelawan (C3).
2. mempamerkan ketahanan fizikal, mental dan emosi sebagai kelana siswa melalui aktiviti berpasukan (P3,TS3, LL2).
3. memberi maklumbalas secara bertulis mengenai amalan kepengakapan dalam jurnal refleksi (A2).

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SINOPSIS

Mata pelajaran ini memberi pendedahan mengenai pengenalan kepada pengakapan. Para pelajar diberi kuliah secara teori dan amali dalam aspek asas kemahiran pengakap, asas pertolongan cemas, ikatan dan simpulan, istiadat pengakap, kenegaraan serta etika dan moral. Pelajar juga akan diajar mengenai kawad kaki dan perkhemahan.

## RUJUKAN

